



**MAHATHIR menerima ijazah kehormat daripada Tuanku Najihah di PICC, Putrajaya semalam.**

# Mahathir terima ijazah kehormat

**PUTRAJAYA** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) semalam.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Canselor USIM, Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin pada Majlis Konvokesyen Khas yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Penganugerahan itu bertujuan mengiktiraf sumbangan beliau terhadap perkembangan ekonomi Islam serta peranannya mengangkat sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa sebagai hab kewangan Islam.

Selain itu, ia juga satu pengiktirafan kepada Mahathir kerana terlibat secara langsung dalam perkembangan dan muamalat negara serta pembaharuan yang dilaksanakan dalam mengembangkan ekonomi negara semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Naib Canselor USIM, Datuk Dr. Muhamad Muda semasa berucap berkata, sumbangan yang diberikan oleh Mahathir khususnya dalam bidang ekonomi tiada ternilai harganya.

Menurut beliau, negarawan itu telah menyelamatkan negara ketika kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dengan berpendapat kegawatan itu akibat tindakan penyangak kewangan dan bukan kerana kelemahan landasan ekonomi.

Muhamad turut merakam penghargaan kepada Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri yang meluluskan penubuhan USIM pada 1997 dan sentiasa mengikuti perkembangan serta kemajuan universiti itu sehingga majlis pecah tanah kampus pada 2002.

Sementara itu, Mahathir dalam ucapan balasnya meminta masyarakat Islam supaya keluar daripada dunia dan budaya retorik kepada yang lebih bermakna dan mencari pendekatan penyelesaian yang lebih praktikal.